

# IKTIKAF

Cara meluangkan masa beriktikaf  
di 10 hari terakhir



T A R E E Q A H  
M U H A M M A D I Y A H

Di bawah seliaan

A h m a d D a b b a g h

 [facebook.com/ShaykhAhmadDabbagh](https://facebook.com/ShaykhAhmadDabbagh)

 Malay

# Rukun Asas Iktikaf

## Maksud Iktikaf

Untuk menetap di masjid, solat berjemaah didirikan dengan niat Iktikaf.

## Syarat Iktikaf

- a) Islaim iaitu untuk menjadi seorang Muslim
- b) Waras
- c) Bersuci dari hadas besar
- d) Niat

Niat Iktikaf ialah:

*"Nawaitu al- sunnatal I' tikaaf lillah aza wa jal"*

*"Aku berniat iktikaf dalam masjid ini kerana Allah Ta'ala."*

## Panduan Menunaikan Iktikaf

1. Seseorang perlu bercakap tentang perkara baik dan menjauhkan diri dari perbalahan dan perbincangan sia-sia yang mengundang dosa.
2. Digalakkan semasa Iktikaf, melakukan amal (perbuatan) yang dinyatakan dalam risalah ini.
3. Jika tanpa alasan yang sah meninggalkan masjid walau cuma sebelah kaki untuk sementara waktu, dengan sengaja atau tidak, Iktikaf akan terbatal. Dia harus qada iaitu mengulanginya. Hanya perlu melakukan satu hari qada dan dapat dilakukan bila-bila masa sepanjang tahun.
4. Jika seseorang itu berhasrat untuk menunaikan ibadah Iktikaf selama 10 malam terakhir Ramadan, dia harus berada di masjid sebelum matahari terbenam sebelum malam ke-21 Ramadan. Bermula matahari terbenam (waktu maghrib) sehingga kelihatan anak bulan Aidilfitri.
5. Jika seseorang itu terpaksa meninggalkan masjid semasa Iktikaf maka Iktikafnya akan terbatal.
6. Jika meninggalkan masjid atas alasan yang sah tetapi dalam perjalanan ditahan oleh seseorang atau jatuh sakit dan tertangguh, maka Iktikaf itu terbatal.
7. Seseorang hanya boleh meninggalkan masjid atas alasan berikut :
  - a) Pergi ke tandas untuk melegakan diri
  - b) Mengambil wuduk
  - c) Untuk mandi wajib
  - d) Mendapatkan makanan jika tidak disediakan

8. Sekiranya Solat Jumaat tidak dilakukan di masjid di mana seseorang itu sedang beriktikaf, maka dia boleh meninggalkan masjid itu untuk Solat Jumaat di masjid lain. Dia perlu mengira masa untuk sampai ke masjid itu, menunaikan sunnah dan mendengar khutbah. Jika dia duduk seketika di masjid itu, tiada kesan kepada ibadah Iktikafnya.

9. Sekiranya seseorang ingin keluar dari kawasan masjid dengan alasan selain daripada alasan yang dinyatakan dalam 6 perkara di atas seperti mencuci mulut, menggosok gigi atau mandi, maka hanya boleh dilakukan semasa dia keluar dengan tujuan untuk melakukan tindakan itu. Contohnya, jika perlu menggosok gigi, maka dia menunggu sehingga perlu berwuduk untuk ke tandas dan dalam masa yang sama dia menggosok gigi.

10. Anda tidak dibenarkan mandi melainkan mandi wajib. Bagi hal lain, sila rujuk dengan ahli ulama. Misalnya, bau badan anda mengganggu atau mengalami ruam yang teruk dan mempunyai keinginan besar untuk mandi, maka dibolehkan. Mestilah dengan cepat menuangkan air ke badan tanpa menggunakan sabun atau syampu. Namun, jika boleh dielakkan maka lebih baik.

11. Sekiranya seseorang tidak berwuduk dan ingin berwuduk kerana mahu berada dalam keadaan berwuduk, maka hal ini tidak dibenarkan bagi yang sedang beriktikaf. Namun jika dia berniat untuk menunaikan ibadah yang memerlukan berwuduk seperti membaca al-Qur'an maka tidak salah melakukannya.

## Kelebihan Iktikaf

Duduk Iktikaf sewaktu 10 terakhir Ramadan ialah kebiasaan Rasulullah (S.A.W.). Seperti yang diriwayatkan oleh Saidatina Aisyah (r.a), ia dimanfaatkan untuk meningkatkan dan memperhebat ibadah dalam sepuluh hari terakhir Ramadan berbanding hari-hari lain dalam setahun. Oleh itu, melaksanakan amalan ini adalah pahala yang besar kerana mengikuti seperti yang dilakukan oleh Rasulullah (S.A.W.) Baginda memerintahkan kita untuk mencari Lailatulqadar, malam yang lebih baik daripada 1000 bulan. Dalam beberapa riwayat, 10 hari terakhir Ramadan pada malam-malam yang ganjil. Oleh itu, seseorang yang beriktikaf tidak kira malam mana, akan memperoleh pahala pada malam itu, insya-Allah.

Kelebihan Lain Iktikaf ialah :


1. Seseorang yang duduk Iktikaf dalam tempoh 10 hari terakhir Ramadan akan menerima ganjaran seperti menunaikan dua haji dan umrah. (al-Baihaqi)
2. Seseorang yang beriktikaf dengan penuh keyakinan dengan ibadahnya dan berharap mendapat ganjaran; semua dosa kecilnya yang lalu akan diampuni. (ad-Dailami)

## Bagaimana memanfaatkan 10 hari terakhir Ramadan & Amalan untuk dilakukan

Wahai hamba Allah, gunakan 10 hari terakhir untuk bertaubat kerana Ramadan bakal pergi. Kepada para pencari kebenaran yang menolong mereka bertaubat dalam beberapa hari terakhir ini dan juga berterima kasih kepada Allah dengan melakukan amal dan zikir yang berikut:

اللَّهُ اللَّهُ

45 minit Allah Allah



Gambarajah 1

اللهم يا رب يجاؤ سيننا محمد ابن عبد الله في الجمع بيني  
و بين سيننا محمد ابن عبد الله في الدنيا قبل الآخرة


"Ya Allah Ya Tuhanku, kumpulkanlah aku dan Keputeraan kami Nabi Muhammad bin Abdullah bersama-sama di dunia ini sebelum Hari Akhirat" (30 minit)



Gambarajah 2

الله هو

Latihan pernafasan 15 minit Allahu  
(Lihat gambarajah 3)




Gambarajah 3

## يا الله يا رحمن يا رحيم

15 minit berzikir “Ya Allah Ya Rahman Ya Rahim”  
(menghayati maksud nama Allah)

## مراقبه

10 minit bertafakur - Setiap hamba harus berasa dan percaya seolah berada di hadapan Tuhan dan bayangkan cahaya dari Allah memasuki hati.



(Diagram 4)

## مناجات

15 minit bermunajat - “Gunakan hati dan akal untuk berbicara dengan Tuhan meminta pengampunan dan petunjuk dalam perjalanan di dunia ini”

Apa yang perlu difikirkan apabila melakukan amal ini.

Gunakan tiga perkara:

1. Allah melihatmu
2. Allah mendengarmu
3. Merasakan dan percaya Allah ada bersama

Bayangkan anda sedang duduk di hadapan kaabah dan nama Allah terukir di manamana sahaja. Kemudian cahaya dari nama itu masuk ke dalam hati, rasakan cahaya ini melalui badan anda menyebut nama "Allah". Kemudian bayangkan Pintu Kaabah terbuka dan cahaya memasuki tubuh anda. Mereka yang mempunyai hati yang ikhlas kerana Allah, pasti akan dijemput memasuki pintu Nabi S.A.W. yang tercinta.

**Apa yang harus dilakukan sekiranya seseorang itu bekerja atau mempunyai masalah keluarga dan tidak dapat melakukan Iktikaf di 10 hari terakhir bulan Ramadan.**

Sekiranya seseorang mempunyai keinginan yang kuat untuk melakukan yang terbaik pada 10 hari terakhir Ramadhan tetapi tidak dapat disebabkan oleh masalah pekerjaan atau keluarga, mereka tidak boleh putus asa. Allah akan mengganjari semua perbuatan baik. Setiap orang harus berusaha dan menghabiskan banyak masa mereka di dalam masjid atau di pondok (Zawiyah).

Setiap hamba harus terlebih dahulu mencuba dan melakukan amalan yang telah diberikan kepada mereka di dalam pondok (Zawiyah). Ini akan mengelakkan daripada gangguan dunia. Sekiranya tidak dapat melakukan ini maka harus menumpukan perhatian kepada zikir "Allah, Allah". Berzikir ini bila-bila mereka mempunyai masa (Di mana sahaja yang sesuai untuk orang itu). Dia juga harus bermunajat selama 15 minit dan menggunakan hati memanggil Tuhan.

Allah telah memberikan banyak pilihan dan cara untuk menggunakan masa. Setiap hamba harus berusaha untuk melakukan amalan dan menyertai orang-orang lain untuk menunaikannya. Menjadi kemestian untuk merancang 10 hari terakhir ini, agariannya tidak menjadi sia-sia. Syaitan merancang tetapi anda harus merancang lebih awal daripada mereka agar kita berjaya mendapat kemenangan dalam setiap ibadah.

## Amalan di Bulan Ramadan

- 1) Mengamalkan gaya hidup amalan Nabi, Sunnah Nabi (S.A.W.) terutama tatacara makan dan minum.
- 2) Menunaikan Solat Sunat Taubat dan Sujud Syukur setiap pagi dan petang. Sebagai tanda memohon keampunan dan bersyukur.
- 3) Menunaikan Solat Sunat Tasbih selepas Solat Zuhur
- 4) Cuba jaga kesucian walau di mana sahaja tahap anda
- 5) Membaca al- Qur'an sekurangngnya 30 minit - 1 jam setiap hari dan tadabbur maknanya.
- 6) Berselawat sekurangngnya 300 kali pagi dan petang. Nabi (S.A.W.) adalah orang yang menyampaikan kepada umatnya tentang bulan yang mulia ini.

Untuk maklumat lanjut mengenai Penyucian Diri (Tareeqah Muhammadiyah) sila hubungi kami di Muhammadiyah House of Wisdom, 33 Ridling Lane, Hyde, Cheshire SK14 1NP. Tel:0161 351 1975 // [+44] 07780 875 667

[www.zawiyah.org](http://www.zawiyah.org) / [info@zawiyah.org](mailto:info@zawiyah.org)